

# BULETIN UTHM

Bil.3 MAC 2023 | ISSN 2232-0415



**Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad  
dilantik Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi) UTHM**

ISSN 2232-0415  
  
9 772232 041007

# BULETIN UTHM

## Isi Kandungan

- 1 Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad dilantik Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM
- 2 UTHM terima kemasukan 775 pelajar baharu program sarjana muda
- 3 Banjir Johor: UTHM hantar sukarelawan bantu kerja pembersihan
- 4 UTHM sertai MTE 2023, bawa pulang 10 pingat dan satu anugerah khas
- 5 eBook Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sokong aspirasi TVET digital, UTHM
- 7 UTHM dilantik jadi rakan strategik projek Konservasi Gajah Asia di Semenanjung Malaysia
- 8 UTHM IPTA pertama tawar Kursus Kokurikulum Askar Wataniah
- 10 UTHM dilantik sebagai Pusat Sukan Tumpuan Mendayung
- 12 Terbitan Terkini

## REDAKSI

### PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Emy Johana Mohamad

### EDITOR

Nor Azezee Ahmad

### PENYELARAS / WARTAWAN

Suriayati Baharom

### FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak  
Jaafar Muhammad

### GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

### PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

### PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

### PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat  
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





## Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad dilantik Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM

Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berkuatkuasa mulai 1 Mac 2023 sehingga 28 Feb 2026. Pelantikan yang dibuat oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin itu adalah untuk tempoh tiga tahun.

Pelantikan Prof. Rabiah, 49 adalah bagi mengisi jawatan yang sebelum ini disandang oleh Profesor Dr. Mohd Shahir Shamsir Omar yang telah tamat tempoh lantikannya pada 14 Januari 2023 lalu.

Sebelum diamanahkan menjawat jawatan ini, Prof. Rabiah merupakan Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Teknikal Melaka (UTEM).

Anak kelahiran Kampung Chinchin, Jasin, Melaka itu merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Ijazah Sarjana Keselamatan Maklumat dari Royal Holloway, University of London dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang 'Health Informatics' dari University of Sheffield, United Kingdom.

Sepanjang 23 tahun perkhidmatannya sebagai pensyarah dan penyelidik, Prof. Rabiah pernah menjawat beberapa jawatan penting lain antaranya Pengarah Strategik dan Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan di UTEM.

Berbekalkan semangat juang yang tinggi, komitmen Prof. Rabiah tidak terhenti di situ apabila beliau turut dilantik sebagai *Board of Studies* Program *Bachelor Information System* Kuliah ICT, Universiti

Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Pemeriksa Kurikulum Program Keselamatan Rangkaian, Universiti Kuala Lumpur (UnikL).

Selain itu Prof. Rabiah turut diberi kepercayaan memegang jawatan sebagai Pengerusi Majlis Pengurusan Kualiti Universiti Awam pada tahun 2020 dan terkini beliau dilantik sebagai Setiausaha Kluster ICT, Majlis Profesor Negara.

Naib Canselor, Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim mewakili seluruh warga UTHM mengucapkan tahniah atas pelantikan tersebut dan berharap Prof. Rabiah dapat memberikan sumbangan penuh idea, tenaga, dan kepakarannya demi membantu meningkatkan kecemerlangan universiti.





## UTHM terima kemasukan 775 pelajar baharu program sarjana muda

**B**ATU PAHAT, 27 Mac 2023 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hari ini mencatatkan rekod kemasukan 775 pelajar baharu program sarjana muda bagi semester dua, sesi pengajian 2022/2023.

Pendaftaran pelajar baharu melibatkan tujuh fakulti itu dibuat secara dalam talian bermula pada 18 Mac 2023 lalu.

Kesemua pelajar baharu di kampus induk akan mengikuti sesi perkuliahan sesi 2022/2023 bermula 27 Mac sehingga 3 Mei 2023 secara dalam talian dan diikuti secara fizikal pada minggu kelapan iaitu bermula pada 14 Mei 2023.

Terdahulu, mereka perlu mengikuti Minggu Haluan Siswa yang berlangsung selama lima hari bermula 18 hingga 22 Mac lalu.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Ts. Dr. Azme Khamis dalam satu kenyataan, kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk pelajar di kampus induk pada semester ini adalah secara dalam talian dan diikuti secara fizikal.

“Kaedah pelaksanaan PdP melibatkan pelajar baharu dan pelajar kanan ini dibuat kerana mengambil kira situasi semasa kawasan Parit

Raja yang baharu sahaja dilanda bencana banjir,” katanya.

Manakala bagi pelajar yang ditempatkan di kampus Pagoh pula, PdP dilaksanakan secara fizikal dan diberi kelonggaran menjalani PdP secara dalam talian pada minggu kelima dan keenam sesi perkuliahan.

“Kelonggaran ini diberi bagi memudahkan pelajar menghadapi sesi kuliah di kediaman masing-masing tanpa perlu kembali ke kampus selepas cuti Hari Raya Aidilfitri sehingga cuti pertengahan semester yang bermula pada 7 Mei hingga 13 Mei 2023,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM, Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim turut mengucapkan tahniah kepada pelajar yang baharu sahaja mendaftarkan diri di UTHM.

“Saya amat berharap anak-anak pelajar dapat menggunakan peluang menyambung pelajaran di UTHM ini dengan sebaik mungkin dan cepat membiasakan diri dengan budaya pembelajaran di kampus sekali gus berjaya menggenggam segulung ijazah kelak,” katanya.





## Banjir Johor: UTHM hantar sukarelawan bantu kerja pembersihan

**B**ATU PAHAT, 21 Mac 2023 - Ketika banjir di negeri Johor mulai surut, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) meneruskan lagi misi bantuan banjir dengan menghantar kira-kira 80 sukarelawan bagi membantu kerja-kerja pembersihan di kawasan yang terjejas.

Misi bantuan pasca banjir tersebut kali ini bertumpu di Mukim 4 Simpang Kiri dan Mukim 18, Parit Sulong, Batu Pahat.

Kumpulan sukarelawan yang terlibat melakukan kerja-kerja pembersihan di kawasan kediaman dan juga kawasan awam bagi meringankan beban yang ditanggung mangsa banjir.

Selain aktiviti pembersihan, Yayasan UTHM turut menyampaikan sumbangan barangan keperluan diri dan makanan kering kepada mangsa-mangsa banjir.

Terdahulu, Naib Canselor UTHM, Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim hadir sama menyantuni kumpulan sukarelawan yang terdiri daripada staf akademik dan staf pentadbiran sekali gus menyempurnakan upacara pelepasan Misi Bantuan Banjir UTHM Prihatin.

Beliau berharap sumbangan dan bantuan seumpama itu dapat meringankan beban mangsa banjir yang bakal menyambut kedatangan bulan Ramadan.

Untuk rekod, sebelum ini UTHM melalui Yayasan telah melancarkan tabung banjir bagi

memberi peluang kepada staf dan masyarakat memberi sumbangan kepada mangsa yang terjejas.

UTHM juga turut menghantar sukarelawan serta menyalurkan sumbangan berbentuk makanan kering dan keperluan diri kepada beberapa Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sekitar daerah Batu Pahat, Kluang, Muar dan Kota Tinggi.

Sehingga hari ini, agihan dana sumbangan Yayasan UTHM kepada komuniti telah pun mencecah lebih RM60 ribu sejak Johor dilanda banjir pada tahun ini.

Selain komuniti, UTHM turut menyalurkan sumbangan dan bantuan kepada staf dan pelajar universiti yang terjejas sebagai tanda prihatin universiti terhadap kebajikan warganya.





## UTHM sertai MTE 2023, bawa pulang 10 pingat dan satu anugerah khas

**K**UALA LUMPUR, 18 Mac 2023 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencatat rekod apabila berjaya membawa pulang 10 pingat hasil penyertaan 10 produk penyelidikan ketika menyertai Malaysia Technology Expo 2023 (MTE 2023).

UTHM berjaya meraih tiga pingat emas dan tujuh pingat perak serta satu anugerah khas daripada Japan Intellectual Property Association (JIPA) melalui penyertaan produk hasil kajian dan penyelidikan pensyarah dari pelbagai fakulti.

Kejayaan ini membuktikan aktiviti penyelidikan di UTHM mampu menarik perhatian umum sekali gus mampu bersaing dengan universiti ternama lain di negara ini.

Pameran kali ke-22 yang berlangsung pada 16 hingga 18 Mac di Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur ini telah disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Chang Lih Kang.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTHM, Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad bagi menyantuni dan beramah mesra dengan kumpulan penyelidik UTHM.

MTE 2023 kali ini mempamerkan lebih 500 penyelidikan secara mod hibrid oleh penyelidik universiti, pusat penyelidikan dalam dan luar negara, sekolah rendah dan menengah, termasuklah sektor swasta dari lebih 10 negara antaranya Indonesia, Iran dan Taiwan.

Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) UTHM, Prof. Ts. Dr. Norzila Othman mengucapkan tahniah atas kejayaan semua penyelidik yang menyertai MTE 2023.

Beliau berkata menjadi hasrat universiti untuk memperluaskan kemampuan penyelidik dengan dorongan motivasi sekali gus sebagai tarikan kepada mereka untuk mengembangkan karya teknologi yang dihasilkan ke seluruh Malaysia mahupun peringkat antarabangsa.

“Komitmen ini juga sebagai satu langkah untuk membawa UTHM kepada Global Technopreneur University (GTU 2030),” katanya.





## eBook Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sokong aspirasi TVET digital, UTHM

**B**ATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada tahun 2022 lalu telah mendapat pengiktirafan *Premier Digital Technical Institutions* (PDTI) daripada *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC).

Pengiktirafan ini membuktikan kesungguhan UTHM dalam menyediakan graduan yang sedia dengan kemahiran serta persijilan profesional yang diperlukan oleh industri dan pasaran pekerjaan semasa.

Bagi memastikan pencapaian aspirasi TVET Digital menjelang tahun 2025 dan menyokong inisiatif pendigitalan institusi yang disasarkan dalam Pelan Strategik UTHM 2021-2025, penggunaan eBook sebagai bahan rujukan utama semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kuliah telah dilaksanakan bermula Semester 1 Sesi 2022/2023.

Bagi tujuan tersebut, beberapa siri program *Training of Trainers* kepada wakil fakulti yang terdiri daripada staf akademik telah diadakan pada September 2022 lalu melalui kerjasama antara Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) dengan penerbit.

Staf-staf akademik yang terlibat dalam latihan ini bertanggungjawab menyebarkan dan melatih staf akademik yang lain dalam penggunaan eBook ini.

Pada masa yang sama, ahli fakulti diwajibkan memasukkan sekurang-kurangnya satu judul eBook yang berkaitan kursus yang diajar di dalam dokumen perancangan kuliah masing-masing.

Sebagai permulaan, kira-kira 10,000 judul eBook dalam bidang kejuruteraan, sains bahan dan kejuruteraan kimia daripada penerbit-penerbit terkemuka telah diaktifkan melalui laman sesawang PTTA untuk diakses dan dirujuk oleh pelajar dan pensyarah UTHM.

Terdapat juga judul-judul dari pangkalan data eBook lain yang turut dilanggan oleh PTTA di dalam pelbagai bidang bagi memenuhi keperluan tersebut.

Berdasarkan tinjauan awal yang dilakukan oleh PTTA bagi mengukur kesediaan fakulti melaksanakan inisiatif ini, Fakulti Teknologi Kejuruteraan didapati telah mula menggunakan eBook tersebut dalam kuliah.

Sebanyak 78 peratus daripada pensyarah dan 44 peratus pelajar yang terlibat didapati menggunakan platform ini secara kerap.

Maklum balas awal yang diperoleh semasa tempoh percubaan oleh penerbit juga menunjukkan bahawa pembelajaran secara sendiri (self-learning) dalam format eBook ini memudahkan mereka untuk membuat rujukan dan pembacaan.



Dapatan selepas sesi percubaan menunjukkan peningkatan penggunaan sehingga 95 peratus dalam kalangan pensyarah dan pelajar.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Ts. Dr. Azme Khamis berpandangan pembelajaran sendiri yang berpandukan tunjuk ajar daripada pensyarah masing-masing membolehkan mereka menggilap kemahiran-kemahiran insaniah dan bersedia sebagai 'future-ready digital learners'.

Norma baharu dalam transformasi digital khususnya semasa penularan COVID-19 juga memberikan isyarat yang jelas terhadap keperluan semua pihak bagi melakukan adaptasi dalam aplikasi teknologi pendidikan digital dan capaian bahan rujukan secara maya.

Menariknya, rujukan dalam format ini menawarkan ciri-ciri mesra pengguna dan interaktif serta capaian lebih meluas dan akses tidak terbatas kepada bilangan pengguna, masa atau lokasi.

Manakala Ketua Pustakawan PTTA, Zaharah Samad pula berkata PTTA komited menyediakan satu portal carian maklumat yang berkualiti, boleh dipercayai dan merangkumi pelbagai bidang.

"Pustakawan berfungsi sebagai 'education partner' kepada fakulti untuk membantu pembangunan pemikiran kritikal dan kemahiran literasi maklumat pelajar.

"Modul literasi dan capaian maklumat dapat membantu pengguna meningkatkan kemahiran teknik pencarian maklumat dalam eBook," katanya.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pula dalam Pelan Strategik Pendigitalan 2021-2025 ada menyebut pernyataan misinya secara jelas, iaitu Memperkasa Ekosistem Penyampaian Perkhidmatan Pendidikan Tinggi Melalui Pendigitalan.

Ekosistem pendidikan hari ini yang mengalami perubahan yang sangat besar menuntut institusi pendidikan tinggi melaksanakan siri transformasi ke arah pembelajaran berorientasikan konsep "anyone, anytime, anywhere, anyhow" yang selari dengan gaya hidup generasi muda masa kini.

Proses pengajaran dan pembelajaran dalam kuliah yang lebih fleksibel serta persekitaran pembelajaran yang lebih mesra perlu diwujudkan supaya sentiasa relevan dengan jangkaan generasi baharu ini.

Naib Canselor UTHM, Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim memberi penekanan terhadap wawasan UTHM ke arah *Global Technopreneur University 2030* melalui strategi pendigitalan bagi memastikan graduan TVET mempunyai ciri-ciri pemikiran inovatif, kecerdasan digital dan kepakaran teknikal yang merupakan elemen utama seorang teknousahawan.

Beliau turut membangkitkan persoalan berkaitan konsep kelas masa hadapan dan pengalaman pembelajaran yang boleh ditambah baik.

Penguatan aspek TVET digital ini perlu disokong oleh pembangunan prasarana digital yang lengkap di universiti, merangkumi infrastruktur dan infostruktur.

UTHM pada masa ini sedang giat membangunkan infostruktur digital dalam format *Massive Open Online Course (MOOCs)* dan *Open and Distance Learning (ODL)* melalui inisiatif *Virtual University*.

PTTA turut mengambil langkah proaktif membangunkan pangkalan data dalaman (in-house database) sebagai medium untuk memuat naik kandungan digital yang sesuai dengan keperluan semasa fakulti.

Capaian kandungan adalah terbuka kepada semua pelajar dan staf UTHM dengan kawalan akses yang selamat dan sesuai melalui

pautan seperti [digitalcollection.uthm.edu.my](http://digitalcollection.uthm.edu.my), [archive.uthm.edu.my](http://archive.uthm.edu.my), [ereport.uthm.edu.my](http://ereport.uthm.edu.my) dan [eprints.uthm.edu.my](http://eprints.uthm.edu.my).

Platform capaian eBook yang mesra pengguna dan boleh diakses menerusi talian tanpa had masa atau lokasi dilihat sangat membantu dalam meneruskan pengajaran dan pembelajaran. Sumber maklumat yang mudah diakses boleh meningkatkan pengalaman pembelajaran yang kondusif dalam kalangan pelajar serta jaringan kolaborasi antara penyelidik, selain menggalakkan perkongsian sumber dalam kalangan institusi pendidikan tinggi negara.

Kelangsungan pendidikan TVET negara menjadi pemangkin kepada pasaran tenaga kerja berasaskan teknikal.

PTTA akan terus menyokong agenda pendigitalan universiti bagi memastikan hasrat UTHM menjayakan TVET Digital yang lebih holistik dapat dilaksanakan sejajar dengan perancangan pelan strategik.





## UTHM dilantik jadi rakan strategik projek Konservasi Gajah Asia di Semenanjung Malaysia

**B**ATU PAHAT – Bagi menyokong usaha pemuliharaan gajah di negara ini, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) telah dilantik oleh Jabatan Perhilitan Malaysia sebagai rakan strategik projek Konservasi Gajah Asia di Semenanjung Malaysia.

Projek yang mempunyai 'War Room' khas itu berperanan menangani isu-isu berkaitan konservasi gajah di Ibu Pejabat Perhilitan Malaysia.

Pelantikan sebagai rakan strategik membolehkan UTHM turut sama menyumbang idea serta menganjurkan program-program berkaitan konservasi gajah secara bersama.

Ketua projek, Sr Ts. Dr. Nazirah Mohamad Abdullah berkata sebagai langkah pertama beliau akan bekerjasama dengan rakan pensyarah daripada Jabatan Fizik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan serta Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, UTHM bagi menjayakan projek konservasi selain kumpulan fokus penyelidikan pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar (eNCORE) serta Pusat Penyelidikan Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Semulajadi (SUNR).

"Ini rentetan daripada penerimaan satu kolar satelit gajah daripada Jabatan Perhilitan yang merupakan amanah kajian baharu yang bakal diusahakan.

"Kolar satelit gajah yang tidak aktif diterima pada 8 Mac 2023 daripada Pengarah Perhilitan Johor, Aminuddin Jamin susulan daripada perbincangan pertama yang diadakan

bersama Pegawai Pakar Bidang Khusus (SME) Proboscidea, Salman Saaban merangkap Pengarah Bahagian Kawasan Perlindungan," katanya.

Bagi memastikan kajian konservasi tersebut berjaya, pihaknya akan mengadakan beberapa siri perbincangan lagi bersama Ibu Pejabat Jabatan Perhilitan Malaysia, Jabatan Perhilitan Negeri Johor dan Jabatan Perhilitan Negeri Pahang selepas ini.

Tambah Dr. Nazirah yang juga penyelidik utama Pusat Penyelidikan Geomatik Gunaan Untuk Pencegahan Bencana (CAGeD), kajian yang beliau lakukan selama ini adalah membangunkan model jajaran laluan baharu gajah serta penghalaan semula gajah ke arah pengurusan mampan dalam pemuliharaan haiwan tersebut.

"Saya menggunakan teknologi geomatik dan geovisualisasi 3D daripada Sistem Maklumat Geografi (GIS) sebagai strategi untuk memulihara pengurusan gajah secara mampan dalam kajian," jelas beliau.

Pihaknya berharap lantikan sebagai rakan strategik itu dapat membantu pentadbir pemuliharaan gajah membuat keputusan, perancangan dan penilaian kepada kesesuaian habitat gajah.

"Selain itu, jalinan kerjasama yang menggunakan kepakaran UTHM melalui gabungan dua bidang iaitu teknikal dan biologi gajah diharap dapat membantu meningkatkan bilangan populasi gajah di negara ini," katanya.





## UTHM IPTA pertama tawar Kursus Kokurikulum Askar Wataniah

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjadi Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama yang menawarkan Kursus Kokurikulum Askar Wataniah khusus untuk pelajar program diploma bermula pada sesi 2022/2023.

Menurut penyelar Askar Wataniah UTHM, Prof. Ts. Dr Mohd Kamarulzaki Mustafa penawaran kali pertama itu mendapat sambutan yang agak baik apabila 35 pelajar berjaya mendaftar, sekaligus menjadi kumpulan pertama yang mewakili UTHM.

Latihan dan pengurusan pasukan terbabit diuruskan oleh jurulatih Batalion Dua, Rejimen 501, Kem Jalan Jonid, Muar.

Sebagai permulaan, pasukan Askar wataniah UTHM bersama 150 anggota Rejimen 501 lain menimba pengalaman baharu apabila berpeluang melibatkan diri dalam perbarisan Pembukaan Latihan Askar Wataniah di Kem Tebrau pada 6 Februari lalu.

Perbarisan tersebut telah disempurnakan oleh Brigedier Jeneral Mohamad Suria Mohamad Saad, Panglima Infantri 7 Briged.

"Keterlibatan dalam perbarisan sebegitu memberi peluang kepada para pelajar untuk terlibat dalam program bersama anggota

sukarela lain dan anggota tetap di bawah naungan Rejimen 501.

"Ditambah pula, disiplin dan semangat kerjasama sangat ditekankan dalam setiap latihan yang dijalankan mengikut silibus yang telah dipersetujui oleh pihak Rejimen 501," kata Prof. Kamarulzaki.

Sementara itu, bagi menghargai penubuhan pertama pasukan Askar Wataniah UTHM, Majlis Perasmian Kursus Asas Perajurit Muda siri 1/2023 telah diadakan bertempat di UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Kursus APMS kali ini yang telah dilaksanakan selama sebulan bermula pada 5 Februari 2023 lalu dan berakhir 6 Mac melibatkan penyertaan keseluruhan 82 penuntut daripada tiga batalion.

Elemen kursus melibatkan empat komponen utama iaitu teori medan perang, kawad kaki, pengendalian senjata dan latihan medan memberi pengalaman baharu sebagai anggota tentera.

Mental penuntut turut diuji apabila sepanjang kursus itu mereka tidak dibenarkan menggunakan telefon bimbit dan perlu sentiasa mematuhi masa dan arahan dari semasa ke semasa.

Lebih membanggakan, penuntut anggota wataniah UTHM, Faresh Adam Mohd Fuad, pelajar tahun satu Diploma Kejuruteraan Mekanikal berjaya dinobatkan sebagai 'Penembak Terbaik' bagi kursus APSM siri 1/2023.

Anugerah disampaikan oleh Timbalan Komander Rejimen 501, Askar Wataniah, Lt. Kol. Mohd Fauzi Adam semasa berlangsungnya majlis penutup.

"Penglibatan pelajar dalam Askar Wataniah diharapkan mampu membentuk pelajar yang aktif dan sentiasa cergas selari dengan keberhasilan graduan UTHM bercirikan Global, Resilience, Integrity, Innovative dan Talent (GRIIT).

"UTHM juga berharap penawaran Kursus kokurikulum Askar Wataniah yang pertama di IPTA ini akan menjadi contoh kepada IPT lain bagi membentuk jiwa dan minda generasi muda yang mempunyai jati diri dan semangat cintakan negara," katanya.





## UTHM dilantik sebagai Pusat Sukan Tumpuan Mendayung

**B**ATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dilantik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai Pusat Sukan Tumpuan Mendayung Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi tahun 2023 hingga 2025.

Pengiktirafan yang diberikan merupakan satu penghargaan kepada UTHM yang sebelum ini telah mencipta pelbagai kejayaan dalam sukan mendayung peringkat IPT, kebangsaan dan antarabangsa.

Pemilihan itu juga berdasarkan beberapa kriteria seperti kemudahan sedia ada, faktor sumber manusia yang merujuk kepada tenaga kepakaran, kejurulatihan dan kepegawaian serta sokongan padu daripada pihak pengurusan IPT.

Selain itu, perwujudan program itu merupakan salah satu usaha untuk membangunkan sukan di IPT dengan lebih sistematik dan teratur serta melahirkan generasi "*The Thinking Athlete*".

Program Pembangunan Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) dan Pusat Sukan Tumpuan (PST), IPT itu telah bermula pada tahun 2010 di bawah Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (DPSIPT).

DPSIPT bukan hanya bertujuan untuk

melahirkan atlet di IPT dan negara malah menyediakan peluang pendidikan bagi atlet sebagai penjana dalam melahirkan produk "*The Thinking Athlete*" yang mempunyai nilai pasaran dan dapat dikomersialkan hingga ke peringkat antarabangsa.

UTHM berharap lantikan itu akan menjadi satu suntikan semangat dan motivasi dalam memperkasakan sukan mendayung hingga ke peringkat tertinggi selain melahirkan para atlet negara yang berkualiti.



# IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)

## SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

## KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

\*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT  
LANJUT SILA IMBAS  
QR CODE



SCAN ME



Fakulti Sains Komputer &  
Teknologi Maklumat  
Universiti Tun Hussein Onn  
Malaysia,  
86400, Parit Raja, Batu Pahat,  
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601  
FAX: +(607) 453 6023  
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

## PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

PENGANALISA WEB

WEB SPECIALIST

PEMBANGUN KANDUNGAN  
WEB

PENGURUS PROJEK WEB

PEREKA WEB



## KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



# Terbitan Terkini



## DISRUPTIVE INNOVATIONS TOWARDS ICT CONVERGENCE

Editors : Atijah Marsithi, Azrin Azli Suhaimi, Mohd Helmy Abd Wahab, Radzi Ambar  
978-967-0061-59-7

RM41.00

The writing of the chapters in the book entitled Disruptive Innovations Towards ICT Convergence came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of the chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



## PENEROKAAN DAN PEMBANGUNAN KERANGKA KECEMERLANGAN BAKAT BEKERJA BAGI PELAJAR TVET

Amanina Muhamad Sanusi, Saifullizam Puteh

978-967-0061-89-4


RM72.00

Buku ini merupakan sebuah kajian berkaitan ke arah penghasilan pelajar cemerlang yang berbakat di institusi pengajian tinggi. Melalui buku ini pelbagai kaedah penguasaan pelajar terhadap bakat kemahiran tinggi dapat digunakan dalam usaha menjadikan pelajar TVET berbakat dalam bekerja. Malahan juga, mampu menjadikan pelajar TVET lebih berdaya saing menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Usaha dilakukan bagi menghasilkan sebuah buku ilmiah berkaitan dengan bakat bekerja bagi mendorong potensi dan kemampuan seseorang individu bagi menghasilkan kemahiran dan minat dalam sesuatu bidang.

Kecemerlangan Bakat Bekerja adalah satu penyelidikan yang amat menarik untuk dilaksanakan kajian lanjutan. Di mana topik penyelidikan bakat yang telah lama wujud sejak berabad dalam bidang pendidikan. Seiring dengan perubahan revolusi, maka corak modal insan turut berubah serentak dengan keperluan dan kehendak pekerjaan di industri. Oleh itu, masa depan negara Malaysia juga amatlah bergantung kepada pembangunan modal insan berbakat dan berkemahiran.

Semoga dengan adanya perkongsian ilmiah berkaitan pembangunan kerangka konsep Kecemerlangan Bakat Bekerja ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan bagi meningkatkan kualiti pelajar TVET melalui Kerangka Kecemerlangan Bakat Bekerja dalam melahirkan graduan berbakat seiring dengan kemahuan pihak industri.

# Terbitan Terkini




## MENCARI AKU DI SINI BERMULA SEGALANYA ANTARA KAU DAN AKU

Amir Aris, Suhaiza Sumadi, Angzzas Kassim

978-967-0061-76-4

RM31.00

Di sini Bermula Segalanya, Antara KAU dan Aku Pada setiap ujian yang kita tempuhi, past ada hikmah yang perlu kita santuni. Usaha sekali kita berputus asa dari rahmat Tuhan yang teramat luas dan banyaknya ia. Teruslah mencari dan merasai kerana tafakur kita amat mendekati kepada yang Esa. Kami persembahkan karya Mencari Aku dari hati ini untuk para pembaca. Semoga kita ditakdirkan berbondongan, beriringan dan berpimpinan melangkah masuk ke dalam syurga yang abadi. Kemuncak kebahagiaan yang diidam-idamkan. Abadan abada.



## ICT INNOVATION FOR INDUSTRY 4.0 SOLUTIONS

Editors: ATIJAH MARSITHI, AZRIN AZLI SUHAIMI, MOHD HELMY ABD WAHAB, RADZI AMBAR

RM 40.00

The writing of the chapters in the book entitled ICT Innovation for Industry 4.0 Solutions came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.

